

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1987/88

HST 221 - Tanah Besar Asia Tenggara

Tarikh: 13 April 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari
(3 jam)

Jawab EMPAT(4) soalan.

1. Dengan merujuk kepada mana-mana negeri di Tanah Besar bincangkan pengaruh luar di dalam pentadbiran pusat dan daerah sebelum kedatangan penjajahan Barat.
2. Sejauh manakah anda bersetuju bahawa kegiatan-kegiatan anti-kolonial yang wujud pada abad ke-19 itu mewakili sikap para pentadbir kerajaan klasik terhadap kedatangan imperialisme Barat? Perbincangan boleh merujuk kepada mana-mana negeri di Tanah Besar.
3. Bincangkan pandangan Benedict Anderson berkenaan sejarah Siam atau negeri Thai dan sejauh manakah ia dapat dipertahankan?
4. Sejauh manakah sikap para petani terhadap pentadbiran kolonial dapat dijelaskan dengan konsep "moral ekonomi petani"? Perbincangan boleh merujuk kepada mana-mana negeri di Tanah Besar.
5. "Sikap orang-orang Barat yang bermastautin di rantau ini menentukan bentuk nasionalisme tempatan". Bincangkan petikan ini dengan merujuk kepada mana-mana peringkat nasionalisme sama ada di Burma atau Vietnam.
6. "Rancangan-rancangan politik yang dijalankan di antara Julai 1942 - Julai 1943 bertujuan untuk menyediakan pemimpin-pemimpin Burma ke arah kemerdekaan" (Iida Shojiro)

Bincangkan.

.../2

7. "Satu kesan penting kemerdekaan yang dicapai oleh Kampuchea daripada Perancis pada 1953 ialah Sihanouk kini merasakan baginda berhak untuk memerintah Kampuchea sesuka hatinya". (David Chandler)

Bincangkan petikan di atas dengan merujuk kepada pergeseran politik di Kampuchea di antara 1953-75

8. Sejauh manakah anda bersetuju bahawa Ho Chi Minh dan Vietnam Utara bertanggungjawab kepada meletusnya Perang Indochina II?

-ooo000ooo-